| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | **Undang-undang lebih ketat mampu atasi masalah dadah** | | |
| Date | **27 Apr 2010** | Language | **Malay** |
| MediaTitle | **Berita Harian** | Page No | **28** |
| Section | **Nasional** | Article Size | **126 $cm^2$** |
| Journalist | **N/A** | Color | **Black/white** |
| Frequency | **Daily** | ADValue | **1,718** |
| Circ / Read | **192,982 / 1,521,000** | PRValue | **5,155** |



# Undang-undang lebih ketat mampu atasi masalah dadah

MASALAH penyalahgunaan dadah kian kritikal akhir-akhir ini. Masalah ini umpama barah yang tiada penawarnya. Jumlah penagih dadah semakin meningkat, dengan rekod 235,495 orang pada 2002.

Daripada jumlah itu, 65,518 penagih tegar, manakala 11,500 lagi HIV positif. Pelbagai langkah drastik dan pragmatik harus diambil seiring perubahan jenis dadah yang digunakan.

Penguatkuasaan undang-undang yang kurang tegas menjadi sebahagian daripada punca masalah. Kerajaan wajar meminda undang-undang agar lebih tegas dan setimpal dengan perbuatan pengedar dadah sintetik yang merosakkan generasi muda. Misalnya, Akta Dadah Berbahaya 1952 menjelaskan hukuman mati mandatori kepada pengedar, pemilik dan pembawa 15 gram atau lebih dadah jika sabit kesalahan.

Kerajaan dan swasta perlu bersatu membanteras dadah dan memantau sarang penagihan di seluruh negara. Jika sarang mereka sentiasa diserbu, jumlah penagih dadah pasti berkurangan.

Masyarakat juga wajar membuang sikap tidak 'menjaga tepi kain orang'. Jika kita mendapat maklumat penagihan dadah di kawasan kejiranan, ia patut dilaporkan kepada pihak berkuasa agar tindakan segera dapat diambil.

Ibu bapa tidak terkecuali dalam hal ini. Setiap pergerakan anak harus dipantau kerana mengikut statistik, kebanyakan penagih bermula pada usia 13 hingga 18 tahun.

Remaja harus diberi perhatian dan kasih sayang secukupnya agar mereka terhindar daripada masalah ini. Kempen kesedaran hendaklah dilaksanakan di sekolah.

Guru perlu proaktif dengan mengambil tindakan tegas kepada pelajar yang merokok kerana 90 peratus penagih bermula dengan merokok.

**AZMAWATI AHMAD ZAKI,**
*Perak.*